

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS ■ KELUARAN 12/2022 BIL. 16 ■

# Inspirasi



UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS  
الجامعة السلفية  
سليمان سلطان ادريس  
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UPSI  
No.1  
PENDIDIKAN



## Majalah Inspirasi

Majalah universiti yang diterbitkan empat bulan sekali

### Keluaran 12/2022 Bil. 16

Disember 2022

ISSN 1823-9331

### SIDANG EDITORIAL

Prof. Madya Dr. Mohd Izwan bin Shahril

Prof. Madya Dr. Ghazali bin Din

Dr. Norfaizah binti Abdul Jobar

Marini binti Masdar

Ramli bin Mosmin

Datin Norhayati binti Hood

Nurul Hafizan binti Abdul Rahman

### WARTAWAN

Dr. Ghazali bin Din

Ramli bin Mosmin

YM Dr. Raja Ahmad Shalaby bin Raja Hassan

Mohd. Razalli bin Ahmad Termizi

Nurul Hafizan binti Abdul Rahman

### JURUFOTO

Fisol bin Ahmad

Shahidah binti Abu Hassan

Nurul Hasniza binti Mohd Rashid

Muhammad Zuhad bin Abdul Aziz

### REKA BENTUK KULIT

Redzuan Shah bin Datu Sahadun

### KONSEP DAN REKA LETAK

Ramli bin Mosmin

### TEKNIKAL

Mohamad Yunus bin Mohd Mustafa

### BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Bangunan Canseleri

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjong Malim

Perak

Emel: [ccd@upsi.edu.my](mailto:ccd@upsi.edu.my)

Tel: 05-450 6661

@HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan majalah ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Bahagian Komunikasi Korporat, Universiti Pendidikan Sultan Idris.





UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS

اونيورسيتي قنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



**PENCIPTA LOGO**  
**Nurmaisara binti Ahmad**  
 Pejabat Karang Mengarang




**Logo UPSI** berwarna keemasan diletakkan dalam angka 100 bagi memaparkan legasi SITC, MPSI, IPSI dan UPSI selama 100 tahun yang masyhur dalam membina kebitaraan pendidikan negara.

**Bangunan Suluh Budiman** dalam angka 100 berwarna keemasan melambangkan bangunan ini kekal utuh sejak era SITC. Bangunan ini telah digazetkan sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan pada 14 Februari 2009 di bawah akta Warisan Kebangsaan 2005 justeru menjadi salah satu simbolik kemegahan UPSI.



**Garisan lengkung** di bawah angka 100 tahun melambangkan gelombang peredaran zaman kegemilangan UPSI. Perubahan ini dimulakan dengan SITC, MPSI, IPSI, UPSI selain meletakkan angka 1922-2022 sebagai bukti era kewujudan UPSI hingga kini.



**Warna emas cerah** melambangkan kegemilangan, kekayaan ilmu dan kemasyhuran pendidikan manakala warna emas gelap melambangkan daya saing, keyakinan, kerjasama sepasukan dan evolusi pendidikan yang berterusan.

## PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN

**Peneraju Kebitaraan Pendidikan** Universiti Pendidikan Sultan Idris menerajui dunia pendidikan bersandarkan nilai kebitaraan setiap warga UPSI.

## ڦنراڤو كبيتاراءن ڦنڦيڦيقن

**Peneraju Kebitaraan Pendidikan** Institusi pendidikan terulung ini senantiasa memartabatkan tulisan jawi dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

## Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Berjumpa lagi kita dalam ruangan ini. Kita bakal menyambut tahun baharu 2023 tidak lama lagi. Begitu cepat masa berlalu dan kita baharu sahaja selesai menyambut majlis sambutan 100

tahun penubuhan SITC-MPSI-IPSI dan UPSI secara gilang gemilang di Dewan Tuanku Canselor pada 1 Disember yang lalu. Ia pasti menjadi satu pengalaman yang manis dan tidak ternilai buat yang terlibat secara langsung mahupun tidak dalam menjayakan majlis ini.


Kita lupakan sementara kejayaan hebat tersebut untuk kita terus fokus kepada pencapaian lain yang seharusnya kita sasarkan pada tahun baharu yang bakal menjelma tidak lama lagi. Tahun mendatang ini akan penuh dengan cabaran yang akan dihadapi untuk kita semua dalam bidang kepakaran masing-masing. Kuatkan semangat dan tekad untuk terus membantu meningkatkan lagi pencapaian UPSI ke peringkat yang lebih tinggi. Ini memastikan agar pencapaian hebat generasi IPSI, MPSI dan SITC tidak terputus dan terus berpanjangan.

Melalui takwim universiti yang dirancang bagi tahun 2023, menunjukkan kita tidak akan terus selesa

dengan pencapaian yang kita capai pada tahun lepas. Sebaliknya UPSI sentiasa komited untuk terus lebih gemilang terutamanya dalam bidang teras kita iaitu pendidikan. Kita mesti menjadi juara dalam apa jua bidang yang melibatkan bidang pendidikan kerana kita merupakan satu-satunya universiti awam yang berfokuskan bidang pendidikan dan menghasilkan graduan-graduan yang bakal menjadi guru.

Universiti berharap agar semua kakitangan, pelajar dan alumni untuk memperkemaskan semula barisan untuk sama-sama berusaha dalam satu pasukan untuk membawa nama baik universiti pada tahun baharu nanti.

Sekian.



**PROFESOR MADYA DR.  
MOHD IZWAN SHAHRIL**



**PROFESOR DATO' DR.  
MD AMIN MD TAFF**

# Gemilang Sambutan Legasi 100 Tahun Penubuhan

## Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Syukur Alhamdulillah detik yang dinantikan telah tiba, dengan penuh gilang gemilang UPSI menyambut malam kemuncak perayaan yang ke-100 tahun penubuhan SITC-MPSI-IPSI dan UPSI. Turut serta bercemarduli hadir ke bumi Muallim, Yang di-Pertuan Agong, Raja Permaisuri Agong, Sultan Perak dan Raja Permaisuri Perak, mantan TYT Pulau Pinang dan isteri, Menteri besar Perak dan dif-dif kehormat yang lain. Ia merupakan sejarah tersendiri buat UPSI kerana kehadiran tetamu

istimewa yang menghimpunkan para pembesar negara buat julung kalinya.

Lahirnya institusi DiRaja ini hasil kebijaksanaan raja-raja melayu terdahulu yang mencadangkan agar penubuhan institusi bertuah ini. Akhirnya nama Sultan Perak pada ketika itu diabadikan sebagai nama institusi ini iaitu Sultan Idris Training College. Oleh yang demikian dalam 100 tahun penubuhan ini tidak hairanlah institusi bertuah ini melahirkan ramai tokoh-tokoh hebat dalam pelbagai bidang seperti pentadbiran, bahasa, kesukarelawanan, pendidikan, keusahawanan, kepimpinan dan lain-lain lagi. Jadi hasrat menggunung universiti untuk mencapai 100 ranking terbaik dunia dalam bidang pendidikan dalam tempoh lima tahun lagi bukan sesuatu yang mustahil untuk digapai. Intitusi keramat ini

diharapkan dapat terus berbakti dan tidak ketandusan dalam melahirkan bakal-bakal tokoh hebat buat negara dalam pelbagai lapangan dan meneruskan tradisi kehebatan alumni-alumni yang terdahulu.

Sebagai pengurusan tertinggi, kakitangan, pelajar dan alumni yang hadir merupakan generasi yang paling bertuah kerana dapat merasai dan sama-sama meraikan sambutan dan pengalaman ini tidak dirasai oleh generasi yang sebelum dan selepas ini. Oleh itu, janganlah mensia-siakan pengalaman terindah ini dengan menjadi orang yang biasa-biasa sahaja sebaliknya harus sama membantu universiti untuk memacu dan melangkah ke arah yang lebih hebat daripada pelbagai aspek.

#DemiUPSI

# Inspirasi Keluaran ini

## Inspirasi Pentadbir

Beliau yakin seorang pentadbir yang baik perlu bijak dalam merancang. Tiada istilah untuk setiap orang berjaya jika ada azam dan keinginan untuk terus berjaya. Ia pasti memotivasikan rakan-rakan lain yang berada di UPSI untuk berjaya dalam cita-cita masing-masing.

10



## Eksplorasi Muallim

Pecal Behrang, menu yang digemari oleh pengemarnya tersendiri. Makanan yang berasal dari tanah seberang, Indonesia kini berjaya memenuhi citarasa rakyat di negara kita tanpa mengira kaum. Diusahakan oleh pasangan Encik Khelmee bin Mispar dan Puan Hanisah binti Adnan, mereka berusaha keras memastikan pecal 3 generasi terus diterima pelanggan.

16



## Warisan Ibu Kandung

Sekolah formal pertama ditubuhkan di Tanjung Malim ialah pada tahun 1892. Sekolah ini kemudiannya dikenali sebagai Sekolah Latihan Tanjung Malim yang dibina semula pada tahun 1930. Sekolah latihan ini seterusnya ditukar nama menjadi Sekolah Kebangsaan Tanjung Malim (SKTM) pada tahun 1950.

20



## Inspirasi Alumni

Dilahirkan dalam keluarga yang berpecah belah memberikan kesan psikologi yang mendalam terhadap jiwa anak muda ini dalam meneruskan kehidupan. Tetapi mengambil perkara itu sebagai cabaran untuk bangkit ke arah yang lebih cemerlang..

# 24



## Alumni proaktif

Anggap kritikan sebagai pembakar semangat, Fathul Khuzairi terima komentar untuk tambah baik diri sekaligus pembakar semangat agar terus maju ke hadapan dalam apa jua bidang.

# 30



## Lain-lain

# 36

## Warga Kita..di sebalik profesion

Sejak kecil ibu bapanya telah mengajar hidup secara bersederhana dan berdikari. Tidak terlepas daripada ujian, namun kepahitan dilalui dengan kecekalan. Marina Karunzaman, beranggapan ujian mendewasakan dirinya untuk mengharungi cabaran masa hadapan.inya untuk mengharungi cabaran masa hadapan.





# Mohd. Husyaini Hashim: bermula di UPSI sebagai Penolong Pegawai Asrama



Oleh:  
Mohd Razalli bin Ahmad  
Termizi  
razalli@upsi.edu.my

Menurut Naemah Hamzah (2018), dalam artikel berjudul “Model Ciri-ciri Pentadbir Cemerlang Universiti Awam di Malaysia” menyatakan pentadbir berperanan menjayakan aspirasi sesebuah universiti di Malaysia. Pentadbir juga terlibat dalam tugas berkaitan pengurusan dan pentadbiran serta mempunyai hubungan yang rapat dengan ketua dan staf bawahan. Komitmen ini menuntut agar pentadbir yang cemerlang mestilah memiliki ciri-ciri kepimpinan terbaik

untuk memastikan agenda institusi tercapai dengan berkesan.

Berpaksikan kepada ciri-ciri tersebut, sidang redaksi Inspirasi bersetuju memilih En. Mohd. Husyaini bin Hashim, Timbalan Ketua Pendaftar (N54) di Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (RMIC) untuk ruangan Inspirasi Pentadbir pada keluaran kali ini.

En. Mohd. Husyaini, berasal dari Kg. Permatang Tok Jaya, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Beliau dilahirkan pada tanggal 24 Jun 1974 dan mendapat pendidikan awal di

Sekolah Kebangsaan Seberang Takir, Kuala Terengganu. Pendidikan menengah di Sekolah Menengah Ibrahim Fikri, Kuala Terengganu (tingkatan 1 sehingga tingkatan 3) , Sekolah Menengah Teknik Terengganu (tingkatan 4 sehingga tingkatan 5) dan tingkatan 6 di Sekolah Menengah Bidong, Kedah. Seterusnya, beliau melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda Sastera (Terjemahan dan Interpretasi) di Universiti Sains Malaysia (USM) dari tahun 1994 hingga 1998.

Menariknya, En. Husyaini memulakan kerjaya beliau di UPSI sebagai Penolong Pegawai Asrama pada 5 Julai 1999 dengan menggunakan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) sahaja. Di dalam temuramah yang diadakan bersama En. Husyaini di RMIC, beliau sengaja berbuat demikian kerana hendak mendapatkan pekerjaan tetap dengan segera. Ini memudahkan beliau mengikat tali pertunangan dan seterusnya melangsungkan perkahwinan pada 9 Oktober 1999. Kini, perkahwinan bersama Pn. Mahyon binti Noordin seorang suri rumah dikurniakan seramai lima orang cahayamata. Tiga orang anak lelaki iaitu Muhammad Ka'ab (20 tahun), Muhammad Muqib (17 tahun) dan Muhammad Habibullah (9 tahun) serta dua orang anak perempuan iaitu Ainun Mardiyah (23 tahun) dan Asma' Masyitah (13 tahun).

Berlatar belakangkan keluarga yang sederhana, bapanya, Allayarham Hashim bin Ahmad seorang pesara tentera yang telah pulang ke

rahmatullah pada 28 Mei 2014 semasa berumur 66 tahun dan ibunya bernama Che Ani bt. Zakaria (69 tahun) merupakan suri rumah. En. Husyaini merupakan anak sulung dari 10 orang adik beradik. Terdiri daripada tujuh orang lelaki dan tiga orang perempuan.

Mengimbau kembali pengalaman kerja di UPSI, selepas menjalankan tugas sebagai Penolong Pegawai Asrama, beliau mula menjawat jawatan sebagai Penolong Pendaftar Gred N3 (kini N41) pada 1 Januari 2000 dan ditempatkan ke Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA). Dilantik sebagai Penolong Pendaftar Kanan (N44) dan bertugas di Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) pada 1 Mac 2005. Pada tahun 2007, dinaikkan pangkat ke gred N48 tetapi masih kekal di BHEA. Pada 1 November 2011 beliau kembali bertugas di Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA). Tahun 2014-2021, bertugas di Bahagian Komunikasi Korporat (BKK). Dalam tempoh tersebut, pada 1 Julai 2015 beliau dinaikkan pangkat sebagai Timbalan

Pendaftar Kanan dan seterusnya dilantik sebagai Pengarah BKK pada tanggal 16 Disember 2015. Seterusnya beliau dilantik ke jawatan Ketua Timbalan Pendaftar pada 11 Februari 2019. Mulai 1 Januari 2021 sehingga kini beliau mula menabur khidmat di RMIC.

Pada 27 Julai 2017, dianugerahkan Pingat Bintang Cemerlang Negeri (BCN) daripada Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman b. Abbas, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang pada masa tersebut.

Ketika di BHEA, beliau terlibat dalam mencetuskan idea "Jom Masuk U" semasa Pn. Hajah Rahmah Husin sebagai Pengarah Unit Pusat Universiti (UPU). Semasa di HEPA pula, beliau mengambil daya usaha untuk mengukuhkan seksyen mahasiswa dengan memperkenalkan slogan "Janji Student Happy". Seterusnya menambahbaik perkhidmatan bas, kafe dan dobi.

Beliau yakin seorang pentadbir yang baik perlu bijak dalam merancang. Prinsip beliau bekerja

dalam mengendalikan sesuatu acara ialah merancang dengan teliti, menyusun dan merangka penugasan bagi setiap staf. Dalam proses perancangan dan pelaksanaan ini, sifat tawakal kepada Allah SWT amatlah penting kerana dengan izin-Nya sahaja apa-apa yang dirancang akan dapat direalisasikan. Contohnya, semasa di BKK, beliau memperkenalkan gerakan 6 saat, iaitu pergerakan setiap graduan di dalam istiadat konvokesyen yang bermula daripada nama graduan tersebut dipanggil sehingga menerima skrol perlu selesai dalam tempoh 6 saat sahaja. Prosedur ini berjaya memendekkan tempoh istiadat konvokesyen.

Antara acara besar universiti yang beliau terlibat semasa menjadi Pengarah BKK ialah Majlis Pentauliahan dan Perhimpunan Ko Siswa-Siswi Pertahanan Awam (Kor SISPA) peringkat kebangsaan kali ke-7 2016 pada 21 Ogos 2016 dan Majlis Tamat Latihan dan Pentauliahan Pegawai Kor SUKSIS Universiti Awam Malaysia kali ke-14 di UPSI pada 12 Ogos 2018.

Mengendalikan acara besar seumpama itu, memerlukan kerjasama yang erat dan jitu baik daripada peringkat staf bawahan mahu pun daripada pegawai atasan. Resepi beliau dalam mendapatkan kerjasama tersebut ialah jangan berkira, ketepikan pangkat dan anggap semua pihak sebagai rakan-rakan. En. Husyaini menjelaskan kemahiran tersebut diperoleh kesan daripada didikan keluarga sejak kecil yang penuh dengan disiplin dan kasih-sayang.

Kreadibiliti kepimpinan yang ada pada En. Husyaini adalah faktor utama pemilihan beliau menjadi Presiden Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (PRESTASI) UPSI sebanyak dua kali iaitu pada 2007 dan 2019. Antara pencapaian beliau semasa menjadi presiden ialah membawa ahli PRESTASI melawat ke National Institute of Education (NIE), Singapore. Lawatan tersebut bertujuan menanda aras tadbir urus dan pengurusan berkaitan bidang tugas pegawai tadbir dan ikhtisas. Ia merangkumi skop pengurusan pengambilan pelajar, pengurusan akademik, pengurusan

kewangan, pengurusan hal ehwal pelajar, pengurusan konvokesyen dan pengurusan sumber manusia.

Selanjutnya, atas kapasiti beliau sebagai Pengarah BKK, PRESTASI dapat membantu Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI) mengumpul identiti korporatnya. Ia dijadikan buku panduan identiti korporat MASTI, penerangan logo MASTI, tatacara dan susun atur kain pemidang, poster, tatacara baju korporat, tatacara protokol dan susun letak kekananan dalam majlis.

Walaupun beliau ditimpa musibah pada 13 September 2019 iaitu kaki sebelah kanan terpaksa dipotong sehingga paras bawah lutut akibat penyakit kencing manis, beliau sentiasa positif dan kelihatan gembira. Beliau sentiasa anggap dirinya sebagai seorang pelakon yang mana boleh ketepikan dan sembunyikan perasaan sebenar.

Beliau juga berkongsi mengenai amalan taalim iaitu pembacaan 1 hingga

12 hadith setiap pagi dalam perjumpaan staf bermula semasa beliau di BHEA, secara konsistennya semasa beliau di JHEPA dan BKK. Kini, amalan sunnah ini diteruskan di RMIC. Tujuannya untuk membudayakan hadith fadhail/ kelebihan amal agar pendengarnya bermotivasi untuk terus beramal agama. Beliau menyatakan, pekerja

dalam semangat tersebut akan sentiasa dalam petunjuk Allah SWT dan dipermudahkan segala urusan di dunia dan akhirat.

Pesanan beliau kepada para pentadbir baharu, bekerja adalah satu ibadah kepada Allah SWT. Maka, bekerjalah dengan betul dan bersungguh-sungguh.

Sebagaimana dengan sabda Rasulullah SAW seperti yang diriwayatkan oleh Saidatina Aishah RHa: “Sesungguhnya Allah SWT menyukai apabila salah seorang daripada kamu melakukan sesuatu pekerjaannya, ia melakukannya dengan baik, sempurna dan teliti.” (Riwayat al-Baihaqi).





# Pecal Behrang: Warisan Pecal 3 Generasi



**Oleh:**  
Mohd Razalli bin Ahmad  
Termizi  
razalli@upsi.edu.my

Pecal merupakan makanan tradisi Jawa yang berasal daripada Kota Madiun atau Ponorogo di Jawa Timur, Indonesia, kerana ia memiliki jenis pecal yang paling terkenal, dan juga kerana sate Ponorogo menggunakan sejenis kuah kacang yang biasa digunakan dalam pecal. Di Indonesia, yang dipanggil sebagai pecel seperti yang diperkenalkan oleh masyarakat Jawa. Ia juga menu makanan yang digemari di kalangan rakyat Malaysia.

Pecal biasanya terdiri daripada kangkung, pucuk paku, tauge, kacang panjang, timun dan daun ubi kayu yang direbus atau dicelur, disiram dengan kuah kacang, yang diperbuat daripada kacang tanah goreng yang dikisar dan dicampur dengan air, garam, gula melaka, jus asam jawa, cili, lengkuas, daun limau purut, kencur dan bawang putih.

Bagi masyarakat di bandar Muallim dan kawasan sekitarnya, restoran Pecal Behrang yang mula beroperasi pada 1 Jun 2022 di Taman Wangsa Behrang, Behrang Stesen telah mula menarik perhatian dan menjadi tumpuan penggemar pecal. Pengusahanya, pasangan

suami isteri, Encik Khelmee bin Mispar (56 tahun) dan Puan Hanisah binti Adnan (55 tahun) masing-masing kelahiran Sabak Bernam dan Sri Andalas, Selangor. Kini menetap di Behrang Stesen. Mereka mula berkenalan semasa sama-sama bertugas di Pelabuhan Klang. Berkahwin pada 1 Mei 1994 mempunyai dua orang anak, Nurfarah Ain binti Khelmee (26 tahun) dan Muhammad Faiez bin Khelmee (23 tahun).

Keistimewaan Pecal Behrang ini kerana En. Khelmee merupakan generasi ketiga yang mewarisi resepi penyediaan pecal daripada bapanya, Mispar bin Muradi yang meninggal dunia pada tahun 2008. Allahyarham Mispar yang





RAN

EKSPLORASI MUALLIM

# Pecal Behra

DIMILIKI OLEH: KHEL



juga mewarisi penyediaan pecal daripada ibunya, Sapiah binti Rashid menjaja pecal menggunakan basikal di sekeliling Felda Gedangsa selepas beliau menjadi peneroka di tanah rancangan tersebut sejak tahun 1971. Kemudian, aktif berniaga di pasar-pasar pagi sekitar Felda Gedangsa, Behrang dan Tanjong Malim sejak tahun 1995.

Ketekunan En. Khelmee mempelajari secara praktikal dari penyediaan pes sambal pecal dan penyediaan sayur-sayuran ketika membantu ibunya, Siti Zainah binti Basir selama lebih dua tahun. (2008-2010) membolehkan beliau menguasai teknik penyediaan pecal warisan ini.

Selepas ibunya jatuh sakit pada tahun 2010 dan akhirnya meninggal dunia pada 2012, En. Khelmee tidak menoleh ke belakang lagi meneruskan legasi pecal ini dengan membuka kedai di Pasar Behrang Stesen pada tahun 2018. Oleh itu, pecal warisan ini dijenamakan sebagai Pecal Behrang. Walau bagaimanapun, pasangan suami isteri yang gigih ini tetap meneruskan perniagaan di pasar-pasar pagi di lima tempat iaitu di Behrang Stesen, Felda Sungai Behrang, Slim River, Tanjong Malim dan Felda Gedangsa. Sehingga akhirnya mereka menumpukan perhatian sepenuhnya dalam mengusahakan Restoran Pecal Behrang.

Puan Hanisah binti Adnan ketika ditemubual menyatakan keistimewaan Pecal Behrang ini ialah penetapan piawaian prosedur operasi (SOP) dalam penyediaan pes pecal bagi memastikan rasanya yang konsisten. Semua ramuan seperti kacang, cili kering, bawang, gula, garam, air asam dipastikan kebersihannya dan ditumis dengan teliti. Begitu juga dengan rebusan sayur-sayuran seperti pucuk ubi dan pucuk paku terutamanya, juga mengikut SOP yang memastikan hasil rebusan yang konsisten dan sedap.

Pada tahun 2018, beliau telah mengikuti kursus selama tiga hari di MARDI, Bangi bagi mendapat tunjuk ajar cara menghasilkan pes pecal komersial yang tahan lama. Hasil penasihat yang diberikan, Pecal Behrang dihasilkan secara kering tanpa bahan perasa dan semua bahan berasaskan tumbuhan dalam memberikan keyakinan kepada pelanggan bahawa semua bahan adalah halal.

Menurut pelanggan-pelanggan yang disantuni oleh penulis, rata-rata menyatakan Pecal Behrang adalah pecal yang terbaik. Abang Mokhtar (72 tahun) dari Hulu Bernam, Selangor menyifatkan Pecal Behrang mempunyai rasa yang sangat unik dan sesuai dengan jiwanya yang merupakan penggemar pecal tegar. Beliau yang

pernah pernah tinggal di Gedangsa selama 10 tahun (1980-1990) menyatakan beliau telah menggemari Pecal Behrang sejak era Pakcik Mispar lagi. Manakala, seorang lagi pelanggan yang dikenali sebagai Iwan (34 tahun) berasal dari Yogyakarta dan kini menetap di Tanjong Malim menyatakan kelazatan Pecal Behrang sama seperti pecal di tanah Jawa. Rasa sambalnya sederhana pedas dan adunan pes dan sayur-sayurannya seimbang dan secukup rasa.

Harapan besar Puan Hanisah pada masa hadapan ialah untuk membesarkan lagi ruang restorannya dan membuka cawangan yang baharu. Memastikan juga restorannya sentiasa bersih dan menarik dengan kos yang minimum. Buat masa ini, sambutan pelanggan amatlah menggalakkan terutama daripada pelanggan-pelanggan tetap mereka semasa aktif berjualan di pasar-pasar pagi. Jika dahulu, menu tambahan adalah soto dan pesembur. Kini, restoran Pecal Behrang yang beroperasi setiap hari kecuali hari Jumaat dan Isnin pukul 9.00 pagi sehingga 5.00 petang menawarkan pelbagai menu lain seperti mi rebus, mi kari, mihun sup, laksa, lontong, set asam pedas, ayam penyot serta menu minuman yang istimewa seperti ABC, Lai chi kang dan cendol.

# SKTM Sekolah Terawal di Tanjung Malim



Oleh:  
YM Dr. Raja Ahmad Shalaby  
bin Raja Hassan  
shalaby@upsi.edu.my

Sekolah formal pertama ditubuhkan di Tanjung Malim ialah pada tahun 1892. Sekolah ini kemudiannya dikenali sebagai Sekolah Latihan Tanjung Malim yang dibina semula pada tahun 1930. Sekolah latihan ini seterusnya ditukar nama menjadi Sekolah Kebangsaan Tanjung Malim (SKTM) pada 1950. Mengikut laporan Barnes 1950, kewujudan sekolah vernakular tidak menyumbang ke arah perpaduan kaum, di mana antara syor Jawatankuasa Barnes adalah sekolah-sekolah vernakular Melayu, Cina, dan Tamil hendaklah dibubarkan dan digantikan dengan satu jenis sekolah sahaja, iaitu sekolah kebangsaan.

Bangunan SKTM dibina menggantikan sekolah tradisional atau disebut 'sekolah atap' yang telah dirobohkan kerana terlalu usang kemudian didirikan semula bersebelahan dengan Sultan Idris Training College (SITC), kini dikenali sebagai UPSI. Ada juga

riwayat yang mengatakan tapak asal sekolah ini yang dibina pada 1892, terletak berhampiran dengan landasan kereta api dan Sungai Bernam. Tempatnya dibina bangunan baharu balai bomba daerah Tanjung Malim. Namun riwayat itu sukar dibuktikan kerana ketiadaan sumber sahih dan juga tiada terdapat dalam mana-mana sumber penulisan. Sedangkan semasa penubuhan SITC, pelan lakaran (*sketches*) kawasan SITC sudah terdapat lakaran kawasan bangunan SKTM ini.

Pada awal pembukaannya, sekolah latihan ini diketuai oleh seorang guru besar yang dikenali dengan panggilan Cikgu Lembang. Beliau dibantu oleh beberapa orang guru lagi untuk mengajar murid-murid dan juga guru agama untuk mengajar al-quran dan agama Islam. Orang yang bertanggungjawab mengilhamkan pembinaan semula sekolah ini ialah O.T. Dussek, iaitu pengetua SITC yang juga memegang jawatan sebagai Assistant Director of Education (Malay) pada 1924, hingga beliau bersara pada Mac 1936. Beliau mahu menjadikan sekolah ini sebagai latihan untuk mengajar penuntut-penuntut SITC sebelum

ditempatkan untuk mengajar di sekolah-sekolah Melayu di seluruh negara selepas tamat pengajian. Sebelum itu, bakal-bakal guru SITC terpaksa menjalani latihan mengajar di sekolah-sekolah di luar Tanjung Malim. Sekolah latihan ini dikelolakan oleh pihak pentadbiran SITC-MPSI-IPSI-UPSI.

Murid-murid SKTM pada peringkat awalnya terdiri daripada anak-anak pensyarah, pekerja SITC dan penduduk tempatan. Mata pelajaran utama yang diajar meliputi kemahiran menulis, membaca, mengira dan mengaji. Dasar yang dipegang oleh pentadbir British adalah semata-mata untuk memudahkan kanak-kanak tahu menulis dan membaca. Sekolah ini hanya memberikan pendidikan rendah sehingga darjah enam sahaja. Pelatih guru yang mengajar akan dibimbing dan dipantau oleh nazir yang dilantik oleh kerajaan dan guru-guru yang berpengalaman dari SITC. Pada tahun 1950, sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh I. J. Barnes telah ditugaskan untuk menyemak dan memperbaiki keadaan pendidikan untuk kaum Melayu. Laporan Barnes 1951 mengesyorkan seluruh

sistem pendidikan dirombak semula serta mencadangkan perkara berikut:

- a) Matlamat pendidikan ke arah membentuk satu rupa bangsa berasaskan pelbagai kaum.
- b) Semua sekolah vernakular dibubarkan dan digantikan dengan sekolah kebangsaan.
- c) Sekolah kebangsaan ini hanya menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pada peringkat sekolah rendah.
- d) Kanak-kanak berumur 6-12 tahun menerima pendidikan di sekolah kebangsaan dan diberikan pendidikan secara percuma.
- e) Setelah tamat pendidikan sekolah rendah, murid-murid yang meneruskan pelajaran ke peringkat menengah akan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

Reka bentuk bangunan SKTM menyerupai reka bentuk sekolah zaman penjajahan British. Bangunan asal sekolah ini pada tahun 1930 berbentuk panjang lurus dan mempunyai dua tingkat.

Bahagian atas diperbuat daripada kayu jenis keras seperti cengal, balau dan merbau, menjadikan bangunannya masih utuh dan kekal sampai sekarang. Kayu-kayu yang digunakan untuk membinanya diperolehi dari kawasan hutan dan pergunungan di sepanjang Banjaran Titiwangsa yang berdekatan. Terdapat dua tangga kayu yang digunakan untuk naik ke tingkat atas iaitu di kiri dan kanan bangunan. Di tingkat atas mempunyai enam bilik darjah untuk murid-murid belajar. Bahagian bawahnya pula separuh kayu dan separuh simen. Bangunan ini terdiri daripada enam buah bilik guru dan di tengah-tengahnya sebuah dewan terbuka.

Pada tahun 1954 dibuat penambahan bilik darjah di bahagian hujung bangunan bagi menampung pertambahan murid. Ini menjadikan bangunan asal yang lurus panjang telah menjadi seperti bentuk L. Di bahagian tengah bangunan tambahan ini dibuat tangga menuju ke tingkat atas. Manakala di hujung bangunan pula dibina tandas lelaki dan perempuan dan sebuah kantin yang terpisah daripada bangunan induk.

Pada tahun 1985 telah dibuat penambahan satu lagi tangga di bahagian tengah bangunan induk.


Kemudian pada tahun 1989, SKTM telah berpindah ke bangunan baru di Jalan Ketoyong, berhampiran pekan Tanjong Malim dengan keluasan tanah 8 hektar. Sejak itu bangunan SKTM asal di kawasan MPSI ini telah dikosongkan dan terbiar. Seinggalah pada tahun 2002 apabila MPSI yang telah dinaik taraf menjadi UPSI (sejak 1998) telah membuat pembaikan dan penambahan dengan membina tandas yang baharu dan moden di bahagian hujung bangunan induk. Bangunan ini juga telah diisytiharkan sebagai bangunan warisan dan menjadi milik UPSI. Pada tahun 2002 hingga 2006, bangunan warisan SKTM ini menempatkan pejabat Penerbit UPSI.

Pada tahun 2011, pihak UPSI sekali lagi membuat pembaikan dengan menambah satu lagi tangga yang diperbuat daripada besi di tengah bangunan induk, menjadikannya sebanyak empat buah tangga untuk naik ke bahagian atas. Bangunan ini kemudiannya dijadikan pejabat

Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara - National Child Development Research Centre (NCDRC) sehinggalah pejabat NCDRC berpindah ke bangunan baharu di Kampus Sultan Azlan Shah.

Pada tahun 2021, bangunan warisan SKTM ini telah dicat baharu dengan warna coklat yang lebih menyerlah dan cantik. Bangunan ini menempatkan pejabat Pusat Peradaban Melayu UPSI dari 2016 hingga sekarang. Bangunan warisan ini juga sering menjadi destinasi lawatan oleh para pencinta bangunan bersejarah dan peyelidik serta orang awam. Kewujudannya merupakan satu khazanah

peninggalan warisan yang tidak ternilai harganya. Ia banyak memberikan manfaat kepada negara, baik dari aspek sosial, ekonomi dan juga pendidikan. SKTM merupakan sekolah tertua di Tanjong Malim yang telah mencecah usia lebih 130 tahun.





# “Pergolakan rumahtangga kedua ibu bapa beri kesan psikologi dalam kehidupan saya” - Ed



Oleh:  
Ramli bin Mosmin  
ramli\_m@upsi.edu.my

## PENGENALAN

Nama saya Nurul Edryana Syafina, dilahirkan pada 24 Disember 2000 di Selangor tetapi dibesarkan di Perak. Saya mempunyai seorang abang sebapa dan tiga orang adik lelaki seibu. Saya dibesarkan di sebuah perkampungan di Taiping, Perak oleh datuk dan nenek sebelah ibu. Sejak kecil, saya dibesarkan dalam keadaan berdikari. Pergolakan institusi kekeluargaan yang dirasai menjadikan saya matang di awal usia tanpa saya sedari. Menurut cerita nenek dan datuk yang saya panggil ‘mak dan ayah’ “Dari usia di dalam pantang hingga 12 tahun, mak dan ayah yang membanting tulang membesarkan saya di kampung”.

Kadang-kadang, mak menghantar saya ke rumah jiran rapat untuk dijaga sementara mereka bekerja. Ibu yang merupakan anak sulung nenek telah mempunyai keluarga sendiri dan tanggungjawab yang lain manakala bapa pula tidak dapat dihubungi. Apabila melonjak usia 12

tahun dan pada ketika itu dalam keadaan di ambang UPSR, ibu mengambil saya untuk tinggal bersama keluarga baharunya di bandar. Seperti kanak-kanak lain, saya ingin merasakan sebuah keluarga. Walaupun dalam keadaan situasi baharu dan janggal, saya telah memperoleh keputusan UPSR yang cemerlang. Saya menganggarkan keputusan cemerlang itu boleh menjadi penguat silaturahim antara saya dan ibu, ternyata anggapan saya salah. Bukan membuka pekung di dada, tetapi saya mula sedar, alangkah lidah lagi tergigit, inikan pula suami isteri. Mungkin bapa tiri saya tertekan kerana ibu mahukan apa yang anak-anaknya dapat, saya juga dapat. Setiap hari pergaduhan berlaku di depan mata saya dan adik-adik. Kalau saya sedih, apatah lagi adik-adik yang melihat ibu bapa mereka di dalam rumah. Pernah saya cuba untuk hidup bersama rakan-rakan dalam budaya negatif yang dianggap kebahagiaan dunia, tetapi mungkin berkat doa keluarga, hati saya berpaling atas ingatan “kalau aku buat jahat, aku rosak, nanti mak

ayah yang malu.” Saya mengambil keputusan untuk tidak ingin menyusahkan keluarga baharu ibu di rumah dan datuk nenek di kampung, saya bersekolah asrama penuh di Langkawi, Kedah. Selama tinggal di asrama, dunia remaja penuh dengan cabaran. Sedih hati dan cemburu apabila ada keluarga yang datang menziarah, menelefon setiap malam bertanya khabar dan mengambil untuk outing bersama tetapi saya tiada. Oleh sebab jauh menyeberang pulau, perjalanan menelan kos yang tinggi, saya memahami kekangan kewangan yang dihadapi oleh keluarga dan hanya mempersoalkan di dalam hati.

Dengan hanya berbekalkan biasiswa sebagai pendapatan bulanan, itulah yang menampung kehidupan saya selama lima tahun di sekolah menengah. Pencapaian cemerlang di peringkat PT3 dan SPM disambut meriah bersama guru-guru di sekolah. Tidak pernah akan saya lupa Cikgu Norzilawati yang menjadi ibu kedua saya dalam isu pengambilan *report card* dan lain-lain di sekolah.

Cikgu Norzilawati pernah menangis ketika slot mohon restu SPM memikirkan masa hadapan saya kerana waktu itu beliau terlepas untuk menolong saya dalam pembelian pin di BSN untuk permohonan ke matrik dan asasi. Saya menganggap sebagai tiada rezeki dan sekali lagi saya hanya mempersoalkan dalam hati.

Awal usia 18 tahun, saya pulang semula ke rumah keluarga baharu ibu. Dengan keputusan SPM yang cemerlang, saya berhasrat untuk sambung belajar dan menjadi guru. Memang dari usia 15 tahun lagi, saya tahu saya ingin membantu anak bangsa seperti yang dilakukan oleh Cikgu Norzilawati. Setelah mendapat keputusan ujian SEA dalam Inventori Kerjaya Murid, guru merupakan kerjaya pertama yang tepat setara personaliti saya. Universiti Pendidikan Sultan Idris merupakan universiti pertama hingga akhir dalam pengisian borang permohonan UPU Online. Awan gelap tidak selalunya mendung, awan cerah tidak selalunya bercahaya. Dalam keadaan saya yang periang, ceria dan peramah, ada kenalan ibu yang mempunyai sebuah syarikat perhotelan yang ingin menjadikan saya sebagai pekerja dengan bayaran gaji yang lumayan. Walau bagaimanapun, syarat untuk menjadi pekerja di situ amat bertentangan dengan syariat Islam dan budaya Melayu.

Antaranya, memakai skirt pendek di atas lutut. Sekali lagi, pemberontakan saya berlaku dan kali ini, sekali lagi saya melawan cakap ibu. Dalam keadaan ibu yang kusut kerana ekonomi tidak stabil, rakan-rakannya mengatakan bahawa “lepas belajar pun tiada kerja atau kerja tak sama bidang; tanggung hutang PTPTN je nanti”.

Saya melarikan diri ke rumah datuk dan nenek di kampung. Sesampai di kampung, saya mengambil keputusan untuk menyambung pelajaran di Tingkatan Enam di sebuah sekolah kecemerlangan sukan di Taiping, Perak. Sepanjang tiga semester di sana, pelbagai anugerah dirangkul dan saya cuba sedaya upaya untuk menjadi yang tertinggi dan terbaik.

Dari zaman sekolah rendah, sekolah menengah dan STPM, semua anugerah yang saya raih sebenarnya untuk mendapat penghargaan daripada keluarga. Sekali lagi, saya mendapat keputusan cemerlang dalam STPM hingga membolehkan saya mendapat anugerah pelajar terbaik negeri Perak. Sepanjang di tingkatan enam juga, saya ditanggung sepenuhnya oleh biasiswa Kementerian Pendidikan Malaysia.

### **PERJALANAN KE ARAH DEWASA**

Alhamdulillah, saya diterima masuk ke Universiti

Pendidikan Sultan Idris dengan jurusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu dengan Kepujian. Perjalanan dari selepas mendapat keputusan SPM hingga hari pendaftaran universiti, cukup mudah. Dalam mencari wang pendaftaran universiti yang hampir mencecah RM2,500.00, pengumpulan wang tersebut amatlah mudah. Terdapat kakak kepada rakan saya di asrama dahulu yang menampung separuh daripada wang pendaftaran, keluarga rakan lelaki saya membantu dalam menampung suku daripadanya dan wang tabungan saya suku daripadanya.

Sepanjang tahun satu hingga kini, tahun tiga, saya kekal berada di UPSI. Oleh sebab berlakunya PKP dan kawalan penutupan sempadan, saya terperangkap di dalam Kolej Ungku Omar selama tiga semester. Bermula dari situ, saya mula berjinak dalam menjadi rakan suai kenal secara bersemuka. Di sebalik talian pula, kelas secara maya, saya menjadi penghubung antara pensyarah dan pelajar. Waktu itu ada pensyarah yang dibenarkan hadir ke universiti secara berselang-seli dan ada yang bekerja dari rumah. Di kesempatan itu juga, seawal semester tiga hingga kini, saya telah diterima bekerja sebagai skim pelajar bekerja di Pusat Sukan. Pada satu tahun

iaitu semester empat dan semester lima, saya menjadi calon pilihan Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Fakulti Bahasa dan Komunikasi untuk bertanding dalam Majlis Perwakilan Pelajar dan alhamdulillah saya menang tanpa bertanding. Alhamdulillah, sepanjang

dapat mengimbangi teori dan amali di dalam kehidupan dan Insya-Allah dapat menjadi guru yang bersifat holistik kelak. Ada rakan-rakan yang mempersoalkan, "tidak penat ke bekerja dan belajar, dalam masa yang sama merangkul amanat yang besar?" Jawapan saya

Naib Canselor UPSI, dapat bersantap bersama Tuanku Permaisuri Perak dan banyak lagi. Skim pelajar bekerja pusat sukan pula membantu saya dalam menampung perbelanjaan harian selain PTPTN dan membantu dalam menyalurkan bantuan kewangan kepada nenek di kampung dan ibu di rumah. Walaupun sedikit gaji yang diterima dan sedikit yang saya dapat berikan, keberkatan dan doa daripada keluarga itu yang saya mahukan."

#### **NASIHAT KEPADA PEMBACA**

Buat yang sudah berkahwin, elakkan pergolakan di hadapan anak-anak. Sedikit sebanyak torehan-torehan yang diguris dalam jiwa anak-anak akan menjadi dendam kelak. Buat yang belum berkahwin, carilah pasangan dan belajarlah untuk difahami di samping memahami. Perkahwinan bukanlah penamat tetapi ia permulaan sebuah kehidupan. Corak demi corak perlu diukir di atas helaian putih menjadikan ia sebuah helaian baju yang dapat memberikan kegembiraan atau sebaliknya. Bagi remaja senasib seperti saya, keluarga yang berpecah bukan penghalang untuk berjaya. Saya mungkin bertuah kerana dapat mentafsir awal kesan kepada tindakan saya, tetapi kepandaian untuk mengamati situasi positif dan negatif ada dalam



tempoh pengajian di UPSI, saya memperoleh CGPA 3.75 ke atas pada setiap semester yang membolehkan saya memegang anugerah dekan pada setiap semester. Dengan pengekalan *pointer* CGPA yang konsisten membolehkan saya untuk terus bekerja sebagai skim pelajar bekerja di Pusat Sukan. Dalam sibuk berkuliah yang berfokuskan teori, saya dapat bekerja dalam keadaan seronok dan menggembirakan kerana Pusat Sukan sentiasa menganjurkan program yang bersifat amali. Saya

mudah, "penat memang penat, tetapi menjadi MPP merupakan minat saya dari sekolah rendah lagi. Saya ingin merasai bagaimana rasanya menjadi seorang wakil pelajar dan membawa suara rakyat. Dengan saya menjadi MPP, banyak perkara manis dan pahit saya rasai. Protokol majlis, hubungan baik dengan kakitangan daripada pelbagai pusat tanggungjawab di UPSI, sebaris dengan Jawatankuasa Pengurusan Universiti, berada di dalam satu mesyuarat diketuai

kognitif setiap manusia. Walaupun usia saya baru mencecah 23 tahun, kini saya bersyukur kerana berjaya merapatkan hubungan keluarga. Dendam terhadap keluarga yang ditafsir tidak bertanggungjawab ditukarkan kepada redha dan fikir berbalik “bagaimana sekiranya aku di tempat dia”. Betul, tidak semua perkara pahit dapat ditelan hidup-hidup tetapi percayalah dengan setiap kepahitan yang ditelan, Allah akan menggantikan kepuasan dan kemanisan di dalam perut kelak.

Walaupun saya masih pelajar, saya juga seorang pekerja separuh masa.

Bekerjalah sepenuh hati kerana dengan kewangan yang disalurkan, ada perut yang perlu dikembangkan dan doa yang berpanjangan. Belajarlah sekuat raga kerana dengan ilmu yang ada, agar dapat membantu membuka pemikiran dan keberkatannya boleh disumbangkan semula kepada anak bangsa. Jangan pernah menyerah walau apa pun keadaan. Percayalah rezeki Allah itu di mana-mana. Yang penting, sebagai umat Nabi Muhammad SAW, kita perlu berusaha mencari rezeki yang halal di sisi-Nya.

Semoga semua pemegang Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dimudahkan

urusan dunia dan akhirat dalam menghabiskan saki-baki dunia pembelajaran sehingga dapat menyambung pelajaran di peringkat yang lebih tinggi. Semoga semua guru dan pensyarah yang berhempas pulas diberikan ganjaran setimpal di dunia dan akhirat. Semoga semua kakitangan yang membantu dalam melicinkan urusan pentadbiran dilipatgandakan pahala dunia dan akhirat. Semoga semua pembaca dilapangkan hati, jiwa dan rohani untuk sentiasa bersangka baik dalam aturan yang telah ditetapkan oleh Qada' dan Qadar Allah SWT.







# “Perniagaan ini bukan semata-mata untuk diri saya...”

Fathul Khuzairi



Oleh:  
Nurul Hafizan binti Abdul  
Rahman  
nurulhafizan@upsi.edu.my

Seawal usia 4 tahun, beliau sudah mula mengenal huruf ABC, diajar tentang solat dan juga puasa juga diajar untuk makan nasi berlaukkan kicap dan ulam sahaja. Rutin itu masih lagi diteruskan apabila kehabisan ‘duit poket di tangan’ dan rentetan didikan daripada ibu dan ayah, dirinya hidup dan makan secara sederhana yang menjadi kunci utama untuk mensyukuri setiap nikmat yang ada.

Kadangkala menu yang dilihat sederhana itulah juga yang memberi senyuman di bibir. Hanya nasi berlaukkan telur mata kerbau direnjis kicap! Sungguh tidak

terkata bahagiannya apabila menerima suapan dari air tangan seorang ibu. Benarlah kata pepatah, “tangan ibu tangan ajaib, sentuhan ibu sentuhan kasih.”

## PERAMAH, BERWAWASAN DAN ENERGETIK

Fathul Khuzairi bin Mohd Fuad, pelajar Diploma Keusahawanan di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi yang berusia 20 tahun merupakan anak kedua daripada lima orang adik-beradik. Anak kepada Mohd Fuad bin Shahrudin yang berkhidmat sebagai Pegawai Am di Jabatan Pertanian Serdang manakala ibu bernama Norasyatul Maria binti Abdul Rahman seorang seorang suri rumah.

Sejak di peringkat sekolah rendah, saya aktif dalam semua acara termasuklah pertandingan bercerita daripada kisah Al-Quran, berpidato dan bersajak. Bakat dan potensi saya dalam bidang pengucapan awam dikesan oleh Cikgu Wan Marzuki, guru Bahasa Melayu ketika itu.

SMK Seri Serdang, tempat bermulanya saya mengetengahkan bakat dan kemahiran yang ada. Memilih Kelas Aliran Agama (KAA) memberi kelebihan apabila pelajar boleh berpindah sesi persekolahan pagi dan petang yang mana sesi pagi lebih banyak menawarkan lebih banyak pilihan badan beruniform. Bagi melengkapkan diri dengan ilmu pertahanan diri, saya memilih Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi dan dalam masa yang sama menyertai Persatuan Bahasa Melayu. Banyak pertandingan yang disertai sepanjang penglibatan dalam persatuan seperti pertandingan Bahas Ala Parlimen, pertandingan Pidato, Kuiz Celik Tatabahasa dan lain-lain.

Namun ketika di peringkat universiti, penyertaan saya agak terhad. Semester satu hingga tiga, saya hanya mengikuti kelas dalam talian kerana faktor pandemik Covid-19 ketika itu. Namun, saya tetap berusaha untuk mengukir kenangan sepanjang keberadaan saya di UPSI tercinta. Saya bercita-cita hendak membuka syarikat perniagaan yang diterajui oleh seorang anak muda Melayu dan mampu berdaya saing dengan syarikat

lain di peringkat negara mahupun global pada masa akan datang. Saya pernah mewakili UPSI ke Competition for Potentially Excellent and Talented Entrepreneurs (Compete@MOHE) pada tahun 2022 dan berjaya memenangi Pingat Perak dalam pertandingan tersebut. Syukur alhamdulillah kerana pertandingan itu menjadi batu loncatan buat diri ini untuk berusaha menjadi seorang usahawan yang berjaya di dunia mahupun di akhirat.

### **DI SEBALIK KEJAYAAN ADA INSAN SENTIASA MENYOKONG**

Sewaktu menunggu keputusan yang bakal diumumkan oleh Ketua Hakim pertandingan Pidato Peringkat Daerah pada tahun 2014, ayah setia berada di sisi. Alhamdulillah, dengar sahaja sebutan nama saya yang dinobatkan sebagai Johan Pertandingan, ayah terus melompat kegembiraan dan pada masa itu buat kali pertamanya, saya melihat ayah saya menangis teresak-esak atas kejayaan yang saya kecapai. Saya turut mengingati bahawa setiap kejayaan yang kita perolehi, pasti ada tangan-tangan yang sentiasa mendoakan kepada kita, iaitu tangan ibu dan ayah kita. Allahu rabbi!

### **PADAH MICROSLEEP**

Saya pernah menunggang motosikal di tengah-tengah malam untuk mengisi minyak motosikal yang hampir kehabisan, namun saya terasa sangat mengantuk. Malang tidak berbau, saya dapat merasakan diri sedang dibuai mimpi atas motosikal. Rupanya saya mengalami 'microsleep' dan akhirnya motosikal yang ditunggang melanggar pembahagi jalan. Syukur kerana setelah saya cepat mendapatkan rawatan, luka kemalangan itu tidak terlalu ketara, ada dua jahitan di kaki dan dahi beserta dengan luka di lutut yang memakan masa beberapa minggu untuk sembuh selepas rawatan hospital dilakukan.

### **PENGLIBATAN DI DALAM DUNIA TIKTOK**

Saya mula menglibatkan diri dalam dunia Tiktok ini, ketika saya berada di akhir fasa mengulang kaji mata pelajaran sebelum menempuhi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Waktu itu, saya memang suka memberikan kata-kata motivasi dan semangat buat kawan-kawan SPM saya agar mereka tidak berasa terlalu resah untuk menghadapi peperiksaan besar itu. Saya menganggap video-video di Tiktok itu sebagai usaha kecil saya bagi membantu masyarakat mendapatkan nilai tambah dalam diri

mereka untuk menaikkan semangat lantas mereka dapat melakukan kerja atau belajar dalam seharian kehidupan mereka itu.

### **KONSISTEN PENGLIBATAN DUNIA TIKTOK**

Saya boleh katakan, gelaran *influencer* itu masih saya usahakan untuk mendapatkannya kerana dunia Tiktok ini dari segi perubahan teknologinya amat agresif. Rata-rata warga Tiktok ini sudah mula bersaing untuk mendapatkan nama dan tempat di hati para peminat. Namun, saya kongsi serba sedikit mengenai usaha-usaha yang saya lakukan untuk mendapat gelaran Influencer tersebut. Ada dua kunci utama untuk mula bersosial di Tiktok, pertamanya ialah minat dan yang kedua ialah konsisten. Minat yang mendalam untuk mengembangkan bakat dan kebolehan kita di Tiktok akan memudahkan diri kita untuk menempa nama dalam aplikasi sosial tersebut. Selain daripada itu, kesungguhan kita juga diukur melalui konsisten kita menghantar (*post*) video-video kreatif yang dihasilkan untuk dimuat naik ke dalam aplikasi Tiktok. Bagi sesetengah orang yang dikenali sebagai pemula (*beginner*), mereka ini baru-baru hendak mencuba menggunakan aplikasi ini, maka keadaan 'konsisten' mereka itu boleh dimulakan

dengan penghantaran video kreatif seminggu sekali. Kemudian, mereka boleh tambah baik kualiti video dari masa ke masa. Lantaran itu, video kreatif yang telah lama dihasilkan dan selalu dimuat naik akan meningkatkan kadar populariti di aplikasi Tiktok.

## **TULANG BELAKANG**

Pada awalnya, saya tidak mempunyai pasukan sendiri. Namun, selepas mula konsisten memuat naik konten di Tiktok dan Instagram, tidak kira sama ada di profil peribadi saya (@fathulkhuzairi\_) atau profil syarikat perniagaan (@fathempire\_), saya telah ditawarkan oleh beberapa kumpulan pelajar dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Lendu untuk membantu meningkatkan tahap jualan dan pemasaran perniagaan saya. Sejak dari itu, mereka menjadi sebahagian 'teamwork' untuk terus meningkatkan kebolehan pasukan dalam memajukan perniagaan sedia ada. Perniagaan ini juga saya fikirkan bukan semata-mata untuk diri saya, malah saya ingin menyumbang semula hasil perniagaan saya kepada sebahagian masyarakat di negara kita yang memerlukannya. Selain itu, saya juga aktif di laman sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter untuk menghasilkan 'quotes' dan coretan ringkas dalam 'feed' yang tersedia.

## **JAGA HUBUNGAN**

Setiap orang ada cara tersendiri untuk mempengaruhi orang lain menjadi pengikut. Saya suka apabila orang lain boleh melihat saya sebagai tauladan supaya setiap perilaku dan tindakan yang dibuat akan menjadi contoh. Saya memegang prinsip, 'benih yang baik, kalau dicampakkan ke laut, akan menjadi pulau'. Dengan ibu bapa, guru-guru, sahabat handai mahupun orang awam, kita tunjukkan akhlak yang terbaik di hadapan mereka. Setiap gerak geri kita ini sentiasa menjadi perhatian orang sekeliling. Namun, kita haruslah bersifat terbuka dan berlapang dada untuk menerima setiap hal yang berlaku dalam kehidupan kita di samping memperbaiki diri dan mengaku kesilapan sekiranya ada menyinggung perasaan mana-mana pihak dalam perbualan atau perbuatan. Kita juga perlu menunjukkan sifat peribadi terbaik, bukan sahaja di hadapan manusia, tetapi di hadapan Pencipta kita, itu adalah hal yang paling utama.

## **DISIPLIN DIRI**

Saya perlu bijak membahagikan masa pelajaran dan aktiviti lain mengikut keutamaan. Contohnya, saya mendapat tugas menyiapkan poster atau infografik bergambar daripada pensyarah, dalam

masa yang sama perlu ke lokasi penggambaran di sekitar Lembah Klang pada keesokan harinya. Walaupun tarikh akhir menghantar tugas itu masih lambat, saya tetap mendisiplinkan diri untuk terus merangka poster atau infografik yang diminta, barulah saya boleh fikirkan tentang perkara lain. Sama juga tugas berkumpulan yang memerlukan komitmen dari semua ahli kumpulan di universiti, banyak perkara baharu yang perlu dipelajari. Kesilapan pernah berlaku apabila saya gagal membahagikan masa dengan baik untuk tugas hakiki sebagai seorang pelajar dan aktiviti lain yang dianggap sebagai tambah nilai dalam kehidupan. Melalui pengalaman yang ditempuhi, saya perbaiki setiap kesilapan dan berusaha sehabis baik untuk menamatkan pengajian Diploma sehinggalah usai menjalankan Latihan Industri.

## **ANGGAP KRITIKAN SEBAGAI PEMBAKAR SEMANGAT**

Saya rasa, penglibatan saya dalam bidang ini boleh menjadi tauladan dan contoh kepada para pelajar yang lain. Dalam masa yang sama, saya pernah mendapat banyak kritikan. Bagi saya, kita tidak mendapat mengatasi seberapa banyak kritikan yang diberikan, namun kita mampu untuk mengawal

tindakan emosi kita terhadap kritikan tersebut. Pertama, kawal emosi kita. Anggap kritikan ini suatu komentar yang diberikan kepada kita untuk menambah baik diri kita sekaligus menjadi pembakar semangat untuk kita terus maju ke hadapan dalam pelajaran mahupun perniagaan.

### **DOA IBU BAPA PEMANGKIN KECEMERLANGAN**

Ibu dan ayah saya menjadi faktor untuk pembakar semangat sepanjang saya memenangi apa-apa pertandingan dan kejohanan. Penglibatan saya dalam bidang di luar kepakaran kerjaya saya juga disokong oleh ibu dan ayah saya. Saya berasa

kagum apabila ibu dan ayah saya melihat kejayaan dan kecemerlangan yang saya kecapai ini adalah disebabkan doa daripada mereka juga. Saya berazam ingin membanggakan ibu dan ayah saya dengan menghadiahkan pakej umrah buat mereka dalam masa yang terdekat ini.

### **NASIHAT YANG INGIN SAYA SAMPAIKAN**

Gigih berusaha. Tiada orang berjaya di dalam dunia ini tanpa usaha. Maka, teruskanlah usaha dan tambah baik usaha itu melalui penimbaan ilmu dan pengalaman daripada orang-orang yang berjaya. Mohon doa daripada orang tersayang dan berbakti

kepada mereka. Jangan lupa, dalam hidup kita, ada orang tersayang yang perlu dijaga. Jaga nama baik diri dan keluarga. Jangan sesekali kita meninggalkan keluarga kita tanpa sebab hanya semata-mata ingin mengecapi kejayaan di dunia yang bersifat sementara. Ingatlah, doa daripada orang tersayang seperti ibu, ayah dan guru kita ini senang tercabul. Maka, berbuat baiklah kepada mereka, insya-Allah kita sendiri akan nampak perubahan yang paling ketara berlaku dalam kehidupan kita. Jaga hubungan dengan Tuhan. Setiap agama, masing-masing ada kepercayaan tersendiri. Saya yakin, melalui penerapan agama juga terbentuk



sifat peribadi yang mulia dari pelajar yang sentiasa mengamalkannya.

### **TEKAD MENGEJAR IMPIAN**

Saya berharap agar sumbangan saya yang kerdil terhadap UPSI ini akan diteruskan lagi beserta dengan usaha saya yang lebih keras untuk menempa nama UPSI di peringkat yang lebih tinggi. Saya juga berazam agar setiap pencapaian ini akan mampu menjadikan diri saya, seorang insan yang berguna kepada keluarga, agama, masyarakat dan juga negara. Tidak dilupakan juga, UPSI ialah universiti pertama yang saya menjejakkan kaki untuk mula tekad mengejar impian yang sebelum ini mungkin dianggap sebagai angan-angan, tetapi kali ini saya akan buktikan, pelajar UPSI yang memegang angan-angan akan membawa kejayaan.

### **PERSONALITI YANG DIKAGUMI**

Hafiz Mahamad, kerana beliau seorang anak muda Melayu yang sangat komited dan bekerja keras untuk mencapai sesuatu kejayaan. Tagline dia seperti “Kejayaan Demi Kebahagiaan” telah membuktikan bahawa produk tempatan yang diterajui oleh beliau dan isterinya mampu pergi lebih jauh dan bersaing di peringkat global di bawah taraf produk yang berkualiti

tinggi dan mempunyai ‘proven results’ daripada kesemua pelanggan mereka.

### **TELITI DENGAN MASA**

Berpegang kepada ‘mantera’ Always Naise 4 U menjadikan Fathul sangat menghargai masa. Masa sangat penting untuk kita hargai dan memanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Masa ini tidak dapat diundur kembali justeru jika kita ada melakukan kesilapan, maka perbaiki kesilapan itu pada masa akan datang. Saya juga sangat teliti dengan masa, kerana saya sudah meletakkan garis masa terhadap sesuatu benda yang ingin dicapai. Walau bagaimanapun, kita perlu kembali juga kepada konsep tawakkal, dalam seberapa banyak sekalipun perancangan yang kita buat, yakinlah juga kepada

perancangan-Nya yang amat baik buat kita.

Masa ini sangat berharga, jadi bagi diri saya, sia-sialah kalau saya hanya menggunakan masa ini hanya untuk belajar semata-mata, tanpa perlu memikirkan apa yang perlu saya buat, tiga hingga lima tahun akan datang, baik dari segi penyediaan kewangan yang rapi, kerjaya dan keluarga yang baik, seterusnya sumbangan saya terhadap masyarakat pada suatu hari nanti.





# “Jangan Mudah Patah Semangat”

- Marina tidak pernah membiarkan kehidupan yang mencabar mematahkan semangatnya



**Oleh:**  
Nurul Hafizan binti Abdul  
Rahman  
nurulhafizan@upsi.edu.my

Sejak kecil ibu bapanya telah mengajar hidup secara bersederhana dan berdikari. Marina binti Karunzaman berasal dari Tapah, Perak merupakan anak ketiga daripada tujuh adik beradik.

Anak kepada pasangan Raba'e binti Pagon seorang suri rumah dan Karunzaman bin Salleh yang bekerja sebagai kakitangan Telekom ini mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan (1) Tapah Perak dari tahun 1 hingga 6. Kemudian, saya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Buyong Adil Tapah, Perak dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3. Setelah itu saya melanjutkan pelajaran ke bidang teknikal di Sekolah Menengah Teknik Brash Ipoh, Perak dalam jurusan Kejuruteraan Awam. Setelah tamat Sijil Pelajaran Malaysia saya melanjutkan pelajaran Diploma di Universiti Teknologi Malaysia dalam bidang ukur tanah. Selesai Diploma saya mencuba nasib di dalam bidang pekerjaan dan pernah ditawarkan bekerja sebagai Pembantu Tadbir di Unit Pusaka selama

lebih kurang dua tahun. Seterusnya saya mencuba nasib untuk memohon bekerja di Universiti Pendidikan Sultan Idris yang ketika itu menawarkan jawatan sebagai Penolong Kurator. Alhamdulillah, rezeki saya di UPSI yang pada ketika itu memerlukan 4 orang pekerja sedangkan yang hadir temuduga adalah seramai 22 orang.

## TITIK TOLAK BERMULANYA MINAT DALAM PEMBIKINAN KEK

Saya memang mempunyai minat membuat kek sejak kecil lagi. Tanpa saya sedari, melihat ibu saya yang membuat kek pelangi apabila musim perayaan menerbitkan rasa minat yang mendalam dalam pembuatan kek. Apabila saya meningkat remaja, saya kerap mencuba resipi kek yang terdapat di dalam majalah dan akhbar. Kadang kala, kek yang dihasilkan mengundang bahan gelak ketawa adik-beradik yang lain. Sebelum tamat belajar di universiti, saya menjalani latihan industri di pejabat Firma Felda (Unit Ukur

Tanah), saya telah mencuba resipi kek coklat kukus dan memberi rasa kepada rakan sekerja. Tanpa disangka tempahan kek coklat kukus saya merebak ke unit pejabat lain sehingga saya tidak menang tangan untuk menyelesaikan tempahan tersebut. Setelah saya masuk ke UPSI, saya mula berjinak-jinak dengan penghasilan kek berdeko. Kek berdeko pertama saya diketawakan oleh rakan pelanggan!

## SOKONGAN KUAT BINA LEGASI PERNIAGAAN

Perkembangan perniagaan ini jujur saya katakan adalah dengan izin Allah SWT. Saya percaya semua orang berkebolehan membuat kek tetapi Allah beri rezeki itu kepada saya. Sokongan pada mula daripada ibu saya Raba'e binti Pagon. Kemudiannya pertambahan kemahiran dan susun atur perniagaan yang betul telah diajar oleh suami saya sendiri Mohd Nizaruddin bin Mohd Nasim.

Pada mulanya saya belajar sendiri *try and error*. Selepas

tempahan saya semakin banyak, saya mula pergi ke kelas belajar membuat kek. Pelbagai teknik dan kemahiran saya pelajari. Tidak mendapat bantuan kewangan daripada mana-mana pihak, Marina tetap gigih menghadiri kelas dan kursus walaupun yuran pembelajaran agak mahal. Baginya, mahal tetapi seronok dan berbaloi mempelajarinya.

### MEDIA SOSIAL SEBAGAI MEDIUM PROMOSI

Dengan kemunculan ramai pembuat kek, Marina juga perlu lebih kreatif supaya produk mendapat sambutan bagi melonjakkan perniagaan terutama lagi dalam mempromosikan produk.

“Saya berpendapat,

platform permulaan yang paling berkesan dan cepat adalah menerusi laman sosial berbanding kaedah konvensional biasa. Tetapi lama kelamaan, ada juga pelanggan yang menempah berdasarkan cerita dan komen mulut ke mulut disampaikan pelanggan.”

Mengenai cabaran yang ditempuhinya sebagai pembuat kek, Marina mengakui ianya sangat berbeza ketika penglibatan awalnya dalam bidang bakeri.

“Peningkatan kos bahan yang dari hari ke hari naik mendadak menjadi cabaran perniagaan kek. Selain itu, banyak pembaharuan dan inovasi yang telah saya lakukan ke atas produk saya. Untuk mengekalkan perniagaan kek, kita

mestilah sentiasa waspada dengan teknik terbaharu yang diperkenalkan daripada negara luar. Pelanggan suka dengan dekorasi kek yang cantik, *trending* dan viral selain rasanya yang sedap.”

### PERSAINGAN DALAM PERNIAGAAN

Persaingan adalah sangat baik. Tidak dinafikan memang banyak pembuat kek yang baru wujud. Tapi saya suka, sebab bila kita tercabar kita akan cari design yang lain daripada orang lain. Saya paling percaya rezeki itu Allah SWT yang tentukan.

Saya lebih suka fokus kepada kek hari jadi bertema dan kek kahwin. Kedua-dua kek ini boleh dibuat menggunakan *buttercream* atau *fondant*.



## TIADA SIAPA TERLEPAS UJIAN

Setiap orang ada cerita di sebalik lipatan sejarahnya mungkin inilah yang dinamakan ujian dari Allah SWT. Namun pahit itu memang sukar dilalui dan disukar difahami oleh orang lain. Tetapi dengan ujian ini mendewasakan saya dan menjadikan saya lebih berhati-hati dalam membuat sebarang keputusan dengan izin-Nya.

Pengalaman manis saya sangat terlalu banyak. Tetapi saat yang paling manis adalah menggembirakan hati orang lain lebih-lebih lagi orang yang kita sayangi.

Banyak perkara yang menjadi pematih semangat. Tetapi perlu kuat untuk

bangkit apabila pelanggan senyum kepuasan mendapat kek yang ditempah. Saya juga turut gembira sebab dapat gembirakan orang lain.

## BIJAK BAHAGI MASA

Mungkin ramai tidak terfikir bagaimana Marina membina ruang perniagaan sendiri dalam keadaan sibuk mengejar tanggungjawab pada keluarga dan komitmen kerja.

Bila minat mendalam semua menjadi. Faktor ini juga menjadi pembakar semangat untuk saya berjaya ke tahap sekarang. Paling penting, pelanggan mestilah membuat tempahan awal agar saya dapat susun jadual agar tidak bertindih dengan kerja hakiki.

## TAKSIDERMI MENJADI

## DUNIA BAHARU

Seiring kerjaya terkini, Marina menyatakan minat kepada bidang Taksidermi telah menjadi fokus di luar bidang kepakaran kerjayanya di Muzium Zoologi UPSI, Fakulti Sains dan Matematik.

Taksidermi ialah seni atau kaedah mengawet spesimen haiwan. Ia adalah salah satu bidang khas muzium untuk memelihara kulit haiwan mati dan melekapkannya pada badan tiruan untuk menjadikannya kelihatan seperti hidup seperti berada di habitat semula jadi. Di Muzium Zoologi UPSI, bukan sahaja fauna lain, malah terdapat lebih 1000 spesimen kupu-kupu dan rama-rama seluruh Negeri Perak yang telah diawetkan.

## SEMANGAT KENTAL HADAPI CABARAN

Sebelum menamatkan perbualan, beliau meninggalkan sedikit nasihat kepada pembaca terutama sekali kepada sesiapa yang bakal memulakan perniagaan. "Tidak mudah untuk mencapainya, jadi jangan mudah patah semangat dan terus belajar. UPSI juga perlu mewujudkan lebih banyak usahawan kental bagi menghadapi pelbagai cabaran meneruskan kelangsungan perniagaan mereka."





**UPSI**  
**No.1**  
**PENDIDIKAN**



UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS  
اونيورسيتي قنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

KELUARAN 12/2022 BIL. 16

# Inspirasi